

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI  
[ TUMPAT ]**

**TARIKH : 19 JULAI 2018 (KHAMIS)**

**SOALAN : 57**

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [ Tumpat ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk merealisasikan pembangunan sebuah pelabuhan di Tumpat sebagaimana yang dijanjikan oleh Kerajaan UMNO BN terdahulu semenjak 1969.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia, berdasarkan kajian *National Ports Strategy* pada tahun 2016 yang telah dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dengan melantik World Bank, merumuskan bahawa tidak ada keperluan untuk membangunkan pelabuhan baru. Walau bagaimanapun, kajian tersebut juga merumuskan bahawa Kerajaan perlu mengoptimumkan pelabuhan yang sedia ada dan membangunkan fasiliti pelabuhan untuk tujuan perkhidmatan industri tertentu sahaja.